

5 inisiatif ke arah negeri taman

BH ONLINE | Rabu, 20 November 2019 | 3:47pm



Timbalan Ketua Menteri, Datuk Jaujan Sambakong. - NSTP/Khairull Azry Bidin

KOTA KINABALU: Kerajaan negeri menggariskan lima inisiatif baharu Perancangan Pembangunan Landskap Negeri Sabah ke arah transformasi menjadi negeri taman terindah.

Timbalan Ketua Menteri, Datuk Jaujan Sambakong, berkata inisiatif terbabit ialah program pembangunan taman awam baharu, program pembangunan landskap dan infrastruktur hijau, program penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta pemeliharaan dan pemuliharaan.

Dua lagi inisiatif yang digariskan ialah program promosi dan pengembangan industri landskap, promosi landskap dan kesedaran awam selain program naik taraf taman awam serta baik pulih aset landskap.

Katanya, menerusi inisiatif pertama iaitu pembangunan taman awam baharu, usaha dilakukan bagi meningkatkan landskap lebih indah, berkualiti dan dilengkapi dengan komponen landskap sesuai mengikut keperluan menyediakan persekitaran hidup lebih kondusif.

Bagi inisiatif kedua, Jaujan menjelaskan keutamaan diberi kepada pembangunan landskap bandar, persekitaran kehidupan, penghijauan negeri, pengindahan desa dan luar bandar dengan tumpuan kepada pengisian taman poket.

"Perancangan pembangunan ini berpandukan Pelan Induk Landskap yang disediakan untuk rujukan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan pemegang taruh berkaitan," katanya menjawab soalan Tan Lee Fatt (DAP-Likas) pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah di sini, hari ini.